



MAKLUMAT PENGULAS

Nama peserta : Ridzuan Mohd Ghazali

Jabatan /
Bahagian : Modal Insan

MAKLUMAT BUKU

Tajuk buku : Hero

Tempat
terbitan : Batu Caves, Kuala Lumpur

Penerbit : Hilal Asyraf Resources

Jumlah muka
surat : 390

Tahun terbitan : 2017

Sasaran umur
pembaca : 15 – 40 tahun

Komen fizikal : Ilustrasi kaver buku ini menarik minat untuk mengetahui isi kandungannya. Buku ini agak tebal, tetapi ringan, menjadikan ia selesa untuk dibaca dan dibawa ke mana-mana.

Positif : Penulis menggunakan laras bahasa yang mudah difahami, banyak nilai tarbiah yang menginsafkan serta jalan cerita yang tidak klise.

Negatif : Membaca buku ini, pembaca seakan dibayangi beberapa adiwira negara barat kerana ia diinspirasi daripada filem-filem berkenaan.

Kelebihan : Novel ini mengandungi beberapa elemen yang berbeza, tetapi berjaya diadun dengan baik. Elemen futuristik, teknologi, aksi, percintaan, islami, semuanya sebatu dalam satu penceritaan yang membuatkan pembaca tidak sabar-sabar untuk mengetahui kesudahannya.

Luahan rasa : Saya merasakan dengan membaca novel ini boleh menambah pengalaman, ilmu dan pahala. Bukan sahaja jalan ceritanya memberikan kita sesuatu yang baharu, nilai-nilai Islam yang diterapkan di dalamnya banyak memberi kesedaran melalui naratif kreatif dan dialog-dialog yang diolah dengan baik serta realistik. Jadi bagi pembaca yang ingin mencari ruang dan jalan untuk kembali kepada fitrah, buku ini amat sesuai untuk menjentik hati agar kembali mengingati Sang Pencipta.

Ulasan : Buku ini mengisahkan tentang perjuangan seorang pemuda Bernama Amir Faheem atau lebih dikenali sebagai Afam, dalam membantu penduduk Kota Angsana daripada sebarang ancaman bahaya dan jenayah. Menjadi waris tunggal kepada kekayaan arwah Datuk Amir Muiz, dia turut memiliki sut istimewa hasil ciptaan dan kepintaran 10 Jutawan Islam.

Walaupun dia adalah hero di mata warga Kota Angsana, kehidupan peribadi Afam sudah jauh daripada Tuhan. Perkahwinannya dengan Afeefah Husna telah mempengaruhi jiwanya untuk kembali mengenali Islam, biar pun ia satu perkara yang sangat sukar pada awalnya.

Sebagai seorang hero, Afam diasak konspirasi organisasi dunia gelap dan dihantui dendam seorang musuh bernama Akuma. Ketewasannya di tangan Akuma menyedarkan dia untuk bangkit demi manusia sejagat. Afam mula menyedari bahawa perjuangan dalam menegakkan kebenaran ini akan menjadi lebih utuh apabila bergerak dalam satu kumpulan yang mempunyai kerjasama erat dan hala tuju yang sama.

Penamat buku ini menyedarkan kita bahawa hero itu wujud dalam diri kita semua dan hero teragung yang perlu kita teladani adalah Rasulullah SAW.

Setiap babak dalam buku ini berlaku dengan pantas dan tidak lewah, menjadikan ia seronok untuk dibaca. Adegan penuh aksi dapat dibayangkan seolah-olah kita sedang menonton sebuah filem.

Terdapat beberapa perenggan dalam buku ini yang sangat membekas di hati seperti di muka surat 184 – “Solat menyelamatkan mereka. Memberikan mereka kerehatan sebentar. Mengejapkan kekuatan yang mungkin terhakis.” Begitu juga di muka surat 272 – “ Sungguh ajaib orang mukmin! Sekiranya dia diberi sesuatu yang menggembirakan maka dia akan bersyukur. Sekiranya dia ditimpa kesusahan lalu dia bersabar.”

Secara keseluruhan, novel ini amat bagus dan berbaloi untuk dibaca. Banyak nasihat dan kata-kata untuk muhasabah diri, selain pandangan yang lebih jauh ke hadapan tentang teknologi dan sumber tenaga yang mungkin negara kita akan gunakan suatu masa nanti.

Gambar Buku :

